

26,000 lagi mangsa banjir di pusat penempatan

um 3/1/06

JOHOR BAHRU 2 Jan. - Cuaca cerah sejak beberapa hari lalu menyumbang kepada pemulihan banjir di negeri ini dengan sebahagian mangsa telah kembali ke rumah masing-masing hari ini.

Sehingga petang ini, hanya 26,647 mangsa yang masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara berbanding 46,714 yang dicatatkan semalam.

Jurucakap bilik gerakan banjir Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) Johor berkata, keadaan yang semakin pulih itu juga menyaksikan beberapa pusat pemindahan sementara ditutup dan hanya tinggal 87 pusat sahaja yang masih dibuka.

Menurutnya, daerah Batu Pahat masih mencatatkan jumlah mangsa yang tertinggi dengan 24,216 mangsa diikuti Muar (2,260), Segamat (229) dan Kota Tinggi (51).

"Bagi pusat pemindahan sementara yang masih dibuka pula, daerah Batu Pahat sebanyak 72 pusat, Segamat (lapan), Muar (enam) dan Kota Tinggi (satu)," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, beberapa jalan raya di Batu Pahat masih lagi ditenggelami air setinggi 0.3 hingga 1.5 meter, manakala jalan di Kota Tinggi tidak dapat dilalui ekoran halangan tanah runtuh kecil.

Sementara itu, katanya, jumlah kematian akibat bencana banjir masih kekal 13 orang dan tiada laporan berhubung kehilangan nyawa pada hari ini.